

TARAF PENDIDIKAN DAN SOSIO- EKONOMI PENDUDUK DI KAMPUNG SUNGAI BUDOR, KELANTAN DARUL NAIM

(Characteristic of Education and Socio-Economic Population at Sungai Budor Village, Kelantan Darul Naim)

Zurina Ahmad Saidi, Hukil Sino & Norinsan Kamil Othman

ABSTRAK

Isu sosio-ekonomi masyarakat luar bandar sentiasa menjadi perhatian negara dalam merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Sehubungan dengan itu, bagi masyarakat luar bandar, transformasi ini merupakan titik permulaan dalam meningkatkan kapasiti sosio-ekonomi dan taraf pendidikan ahli keluarga untuk kesejahteraan keluarga, komuniti dan negara. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti taraf pendidikan penduduk Sg Budor dan menganalisis sosio-ekonomi utama penduduk. Teknik Pensampelan Bertujuan digunakan untuk memilih sampel kajian sebanyak 130 responden. Data kajian adalah melalui edaran borang soal selidik di Kampung Sg. Budor, Kelantan. Hasil kajian mendapati tiada pendidikan dan taraf pendidikan rendah penyebab kepada kemerosotan ekonomi isi keluarga serta kemiskinan atas faktor ketiadaan pekerjaan tetap. Penilaian skor min mendapati tiada pekerjaan berada pada tahap tinggi berbeza dengan pendidikan berada pada tahap sederhana dan kepunyaan utiliti di tahap yang rendah. Tidak terdapat perubahan ke atas rutin penduduk yang hanya menantikan sumbangan dan bantuan daripada kerajaan atas faktor masalah kesihatan, kekurangan keperluan asas dan tanggungjawab yang pelbagai. Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada pentingnya perlaksanaan perubahan sosio-ekonomi dalam kalangan penduduk untuk mengurangkan kadar kemiskinan seterusnya menjadikan Kg. Sg. Budor sebagai satu pemboleh ubah untuk mengubah kehidupan. Di samping itu, kajian ini memberikan kefahaman dan tindakan kepada pihak berkepentingan dalam memastikan pembangunan terhadap Kampung Sungai Budor dalam memastikan kemenjadian Kampung Sg. Budor sebagai kawasan luar bandar yang kolektif dan berdaya saing dan dimajukan sebagai salah satu pusat pelancongan.

Kata kunci: Kampung Sungai Budor; pembangunan komuniti; pendidikan; sosio-ekonomi; Kelantan.

ABSTRACT

The socio-economic issues of rural communities have always been the state's attention in realizing the goal of Wawasan 2020. In relation to that, for rural communities, this transformation is the starting point in improving socio-economic capacity and the standard of family members' education for the well-being of families, communities and countries. This study aims to identify the level of education of the Kg. Sg Budor population and analyzed the main socio-economic population. A purposive sampling technique was used to select a sample of 130 respondents. The data were collected through a questionnaire in Kg.Sg. Budor, Kelantan. The findings show that there is no education and education level is low causes of

family economic deterioration and poverty on factors of absence of permanent employment. Min scores found that no job was at a high level in contrast to education at moderate level and belonging to a low level of utilities. There is no change in the routine of residents who are looking forward to donations and assistance from governments for health problems, lack of basic needs and diverse responsibilities. Hence, this study contributes to the importance of implementing socio-economic changes among the population to reduce the incidence of poverty thus making Kg Sg Budor a variable to change life. In addition, it provides understanding and action to stakeholders in ensuring the development of Kg. Sungai Budor in implement the existence of Kg. Sg. Budor is a collective and competitive rural area and is being developed as one of the tourist centers.

Keywords: Kampung Sungai Budor, community development, education, socio-economic, Kelantan.

PENDAHULUAN

Di Malaysia, transformasi dikaitkan dengan pembangunan akibat pertumbuhan pesat dari aspek ekonomi. Melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), kerajaan telah berusaha dalam membawa pembangunan kawasan luar bandar untuk menggalakkan kemajuan di sesuatu kawasan. Seterusnya membawa kepada Dasar Perpaduan Negara (DPN) sehingga ke Dasar Wawasan Negara. Usaha ini adalah mengatasi masalah kemiskinan, pengangguran dan masalah jenayah yang semakin berleluasa. Menurut Novel et al., (2012), kadar kemiskinan telah menurun sehingga 4.1% pada tahun 2010 (Malaysia, 2010) dan sehingga 2017 mencatatkan 3.8%. Dahulu pembangunan luar bandar lebih bersifat tradisional pada mulanya iaitu menerusi pembangunan pertanian dan pengairan. Namun kini ia lebih fokus dan cenderung kepada usaha-usaha untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat dengan memperkenalkan sektor perniagaan, pertanian dan penternakan. Pembangunan luar bandar mempunyai kepelbagaiannya jenis ekonomi seperti pertanian, penternakan, industri desa yang menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Selain itu terdapat pelbagai kemudahan sosial seperti rumah ibadat, bekalan air dan elektrik serta kemudahan-kemudahan awam lain.

Menurut Wayne (2001), proses pembangunan dilihat dari aspek pertumbuhan ekonomi, pembangunan dan kemajuan infrastruktur yang kolektif. Sosio ekonomi masyarakat dilihat daripada aktiviti komuniti dalam bidang ekonomi termasuk faktor-faktor ekonomi dan masyarakat yang bertujuan untuk mencipta punca pendapatan kepada ahli masyarakat. Oleh hal yang demikian, aktiviti ini akan memberi kesan secara langsung atau tidak terhadap perubahan yang baik mahupun sebaliknya (Aki et al., 2015).

Walau bagaimanapun, usaha untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat perlu dilihat seiring dengan pendidikan dan pendapatan kerana kedua-dua elemen ini dilihat pemangkin utama dalam memastikan kadar kemiskinan berkurangan. Ia juga adalah untuk memastikan pembentukan dalam pembangunan komuniti kampung berterusan. Oleh hal yang demikian, pendidikan dan pekerjaan adalah saling berkait rapat. Pendidikan merupakan elemen perubahan yang menyebabkan berlakunya perubahan sosiobudaya dan sosio-ekonomi dalam sesebuah masyarakat. Ini kerana ia merupakan agen sosial dan membuka ruang untuk mendapatkan pekerjaan yang baik. Pekerjaan yang baik pula memberikan pendapatan lumayan untuk menikmati gaya hidup yang lebih baik (Nor Hayati et al., 2017). Persoalannya, sejauh manakah tahap pendidikan dan pekerjaan penduduk kampung Sg.

Budor dalam memastikan sosio-ekonomi mereka membangunkan kapasiti komuniti dan kampong Sg Budor sebagai Kampung Pelangi. Kajian ini memfokuskan kepada i) Mengenal pasti taraf pendidikan penduduk Sg Budor dan ii) Menganalisis sosio-ekonomi utama penduduk kampong Sg. Budor.

SOROTAN KARYA

Pembangunan luar bandar perlu seiring dengan keperluan pembangunan untuk kesejahteraan masyarakat dan pentingnya penjagaan bersama yang dilakukan secara bersama-sama. Pembangunan sosial merupakan satu proses perubahan kepada pembentukan dan peningkatan kesejahteraan hidup masyarakat dalam keseluruhan proses pembangunan yang dinamik. Kualiti hidup masyarakat merupakan pengaruh besar dalam proses transformasi luar bandar. Antara salah satu kualiti kesejahteraan masyarakat adalah pendidikan yang kolektif.

Namun demikian, kesedaran dalam pendidikan adalah kurang dalam kalangan masyarakat dan golongan tua kerana pengaruh budaya dan corak kehidupan lama dan terdahulu telah menyempitkan mentaliti untuk mengubah gaya hidup dan taraf kehidupan yang lebih baik lagi. Namun begitu, masyarakat kini menyedari hakikat kepentingan ilmu dengan memastikan anak-anak mendapat pendidikan seperti anak-anak luar bandar yang lain (Johdi et al., 2009). Sistem pendidikan merangkumi semua jenis pendidikan bermula dari sekolah rendah sehingga pengajian tinggi. Hussin et al., (2010) menjelaskan pendidikan satu agenda besar yang boleh mempengaruhi kualiti dan ketamadunan sesebuah bangsa di dunia. Masyarakat yang berilmu meletakkan ilmu sebagai cara hidup dan mempunyai kapasiti dalam membuat keputusan matang, jelas dan tepat.

Menurut Akhmal et al., (2011) menjelaskan pendidikan melibatkan masyarakat dan individu. Ia bermakna masyarakat memandang pendidikan sebagai warisan nilai-nilai budaya daripada generasi tua ke muda manakala individu membangunkan dan menggilap potensi yang ada dalam diri untuk mewujudkan kemampuan tertentu bagi menjamin kehidupan manusia. Pendidikan bermula daripada kefahaman perihal pentingnya ilmu untuk memajukan potensi diri dan peribadi.

Namun demikian, terdapat kajian terdahulu yang menekankan bahawa pendidikan merupakan salah satu faktor yang tidak boleh disisihkan dalam usaha mengurangkan kemiskinan (Brown 2007). Sekiranya pendidikan disisihkan, ia akan menyukarkan golongan ini dalam mengatasi masalah kemiskinan. Pendidikan rendah dilihat merupakan punca kemiskinan kerana mereka yang berpendidikan rendah tidak dapat membuat keputusan yang tepat dan membuat pertimbangan dalam membuat keputusan dan mudah dipengaruhi oleh persekitaran. Menurut Noraini & Hussin (2017) sememangnya faktor pendidikan yang rendah salah satu punca utama kemiskinan bagi isi rumah.

Menurut Zakiyah (2011) menyatakan anak-anak yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah sering tercicir dalam pelajaran kerana ibu bapa tidak mampu memberikan pendidikan terbaik kepada anak-anak. Ia kerana taraf kelulusan pendidikan ibu bapa yang rendah juga turut mempengaruhi anak-anak mengenai kepentingan pendidikan. Nor Aini (2004) menjelaskan pendidikan adalah asas kepada peningkatkan kualiti hidup manusia dan juga faktor penting yang menentukan pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah institusi. Fatimah Daud (2005) menjelaskan transformasi ekonomi bermula dengan pelbagai bentuk yang dimulakan dengan revolusi industri. Ia merupakan bentuk ekonomi yang berubah dari pertanian kepada pembuatan yang menghasilkan teknologi baru. Oleh hal yang demikian, masyarakat dibentuk menerusi pekerjaan mengikut kemahiran dan kepakaran-

kepakaran tertentu. Hal ini membawa perubahan positif kepada masyarakat (Buller & Wright, 1990).

Namun demikian, masyarakat luar bandar mengalami masalah ketiadaan pekerjaan tetap dan ini menyebabkan tiada pendapatan dan belenggu kemiskinan semakin meningkat kerana ketidakmampuan dalam menyediakan keperluan asas kerana melibatkan perbelanjaan yang besar (Nor Malina & Azrina, 2012). Oleh itu, sosio ekonomi isi rumah yang rendah adalah disebabkan oleh taraf pekerjaan kerana wujud halangan dalam pasaran pekerjaan seperti kekurangan kemahiran diri, kurang pendidikan, masalah pengangkutan dan kemudahan jaringan, masalah perhubungan sosial dan lain-lain masalah yang dihadapi. Di samping itu juga, penawaran peluang pekerjaan belum mencukupi bagi memenuhi permintaan yang semakin tinggi dari semasa ke semasa.

Menurut Kartini (2016) memberikan gambaran kemiskinan menghubungkan beberapa kata kunci seperti kekurangan, kesusahan, keperitan dan kepayaan hidup yang dihadapi oleh seseorang individu dan keluarga. Kemiskinan ditafsirkan dalam konteks pendapatan isi rumah pertengahan jika mempunyai kurang daripada 50% pendapatan isi rumah. Kategori kemiskinan juga merangkumi mereka yang mempunyai pendapatan tetap tetapi isi rumah hanya cukup-cukup untuk menampung sewa bulanan, makan minum harian, bayaran pinjaman dan lain-lain. Oleh itu, di setiap hujung bulan, mereka tidak mempunyai kewangan dan tidak berupaya untuk menyimpan bagi tujuan masa hadapan.

Struktur sosial yang lemah membawa kepada ketiadaan pendapatan mahupun terhad. Masalah ini akan menjadikan ia sebagai suatu yang diperturunkan dari generasi ke generasi seterusnya apabila terdapat kelemahan dalam struktur sosial. Ia akan menghadkan keupayaan keluarga untuk mendapatkan akses kepada sistem pendidikan, kesihatan dan tatacara hidup selesa.

Menurut Aki et al., (2015), Ishak et al., (2009) kegagalan untuk mendapatkan pendapatan yang tinggi adalah dipengaruhi oleh tahap pendidikan yang rendah. Tambahan, sumber pendapatan yang terhad merupakan kekangan utama bagi keluarga yang tidak berkemampuan untuk mencapai tahap pendidikan yang tinggi. Justeru itu, pendidikan mempunyai hubungan dengan taraf pekerjaan untuk memastikan pendapatan yang tinggi menyumbang ke arah kehidupan yang berkualiti serta pertumbuhan dan pembangunan yang produktif dan seimbang. Kesimpulannya kekurangan kemampuan untuk mendapat keperluan asas yang mencukupi, kekurangan kemampuan ekonomi adalah disebabkan oleh tingkat pendapatan dan pekerjaan yang rendah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengenal pasti demografi penduduk Kg Sg Budor. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif serta menggunakan Teknik Pensampelan Bertujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan seramai 130 responden iaitu ketua keluarga rumah bagi setiap rumah di kampong Sg. Budor. Satu set soal selidik diedarkan mengandungi 3 bahagian. Bahagian pertama merupakan maklumat demografi responden, bahagian kedua merupakan tahap pendidikan responden dan isi rumah serta bahagian ketiga adalah sektor pekerjaan dan pendapatan responden. Pemprosesan data dilaksanakan dengan menggunakan sistem perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* versi 22.0 serta analisis data adalah dengan menggunakan statistik deskriptif (min dan frekuensi).

Kawasan Kajian

Kampung Sg. Budor merupakan salah satu kawasan yang terletak di sepanjang tebing Sungai Kelantan dan Sungai Keladi. Ia bakal dikenali sebagai ‘Kampung Pelangi’ kerana sedang dinaiktarafkan sebagai salah satu destinasi pelancongan di Bandar Kota Bharu kerana berdekatan dengan Zon Warisan Budaya iaitu di sekitar Dataran Kota Sultan Ismail Petra, Padang Merdeka dan Tambatan DiRaja. Terdapat juga bangunan dan monumen bersejarah seperti Istana Balai Besar, Istana Jahar dan Istana Batu yang terletak berhadapan dengan Sungai Kelantan. Oleh itu, cadangan “*open space, people’s place*” menjadikan Kg Sg Budor pilihan utama kerana mempunyai ciri-ciri tersendiri dan unik untuk dijadikan sebagai tempat ikonik kerana nilai perkampungan tradisional yang unik dan menarik. Purata penduduk di dalam kampung adalah sebanyak 138 buah rumah dan terletak di daerah Kota Bharu, DUN Kijang dengan mempunyai keluasan tanah rizab Sungai Kelantan sebanyak 570 meter dan Sungai Keladi 600 meter. Keunikan Kg Sg. Budor adalah kerana bersempadan dengan Provinsi Narathiwat, Thailand serta merupakan laluan utama tapak perdagangan pada zaman dahulu. Ia adalah faktor utama kenapa Kg Sg. Budor bakal dipulihara menjadi Kampung Pelangi dan kawasan destinasi pelancongan dan kesan ke atas pembangunan ini akan membawa kepada pembangunan sosio ekonomi dan taraf kehidupan penduduk kg Sg. Budor.

Peta 1: Mukim dan kawasan kajian



Sumber: Google

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Profil demografi adalah jantina, umur, etnik dan status perkahwinan. Jantina perempuan adalah responden paling ramai iaitu sebanyak 63.1% (82 orang) berbanding lelaki sebanyak 36.9% (48 orang). Bagi lingkungan umur, majoriti responden yang menetap di Kg Sg. Budor

adalah >50 tahun iaitu sebanyak 61.5% (80 orang). Diikuti dengan umur 45-49 tahun iaitu 11.5% (15 orang) manakala sebanyak 1.5% (2 orang) merupakan responden yang berumur 20-24 tahun. Terdapat dua etnik yang menetap iaitu etnik Melayu dan Cina yang masing-masing adalah sebanyak 97.7% (127 orang) dan 2.3% (3 orang). Majoriti status perkahwinan responden adalah berkahwin iaitu sebanyak 69.2% (90 orang), janda/ duda sebanyak 21.5% dan bujang sebanyak 9.2% (12 orang).

Jadual 1: Latar Belakang Demografi

Komponen	Kategori	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	48	36.9
	Perempuan	82	63.1
Umur	20 – 24	2	1.5
	25 – 29	2	1.5
	30 – 34	8	6.2
	35 – 39	9	6.9
	40 – 44	14	10.8
	45 – 49	15	11.5
	50 >	80	61.5
Etnik	Melayu	127	97.7
	Cina	3	2.3
Status perkahwinan	Bujang	12	9.2
	Berkahwin	90	69.2
	Janda/ Duda	28	21.5


N=130, 100 peratus

Sumber: Kerja Lapangan (2017)

Tahap Pendidikan Penduduk Kampung Sungai Budor

Bagi tahap pendidikan Rajah 1, majoriti responden memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebanyak 42.3% (55 orang) diikuti dengan Tidak Ada pendidikan sebanyak 29.2% (38 orang). Terdapat juga responden yang mempunyai pendidikan Penilaian Menengah Rendah (PMR) sebanyak 19.2% (25 orang). Seterusnya responden berpendidikan Diploma/STPM, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana/> yang masing-masing adalah sebanyak 6.2% (8 orang), 2.3% (3 orang) dan 0.8% (1 orang). Walaupun responden tidak mempunyai pendidikan dan berpendidikan rendah, namun pendidikan untuk anak-anak adalah diberikan sehingga ke Universiti kerana rata-rata responden mempunyai anak yang sedang atau telah selesai belajar di peringkat yang lebih tinggi. Ini membuktikan responden mempunyai nilai kefahaman tinggi terhadap kepentingan pendidikan kepada diri ahli keluarga yang lain.

Rajah 1: Tahap Pendidikan




Sumber: Kerja Lapangan (2017)

Sektor Pekerjaan Dan Pendapatan Bulanan

Seterusnya terdapat empat kategori sektor pekerjaan iaitu Kerajaan, Swasta, Persendirian dan Tidak Ada. Majoriti responden adalah tidak berada di mana-mana sektor pekerjaan sebanyak 43.1% (56 orang). Tidak Ada bermaksud tidak mempunyai apa-apa pekerjaan serta hanya menetap di kampung sahaja kerana sudah tua dan uzur. Seterusnya diikuti dengan sektor pekerjaan persendirian sebanyak 31.5% (41 orang). Sektor Swasta dan Kerajaan, masing-masing mencatatkan sebanyak 17.7% (23 orang) dan 7.7% (10 orang). Hasil analisis mendapati kebanyakan daripada responden tidak bekerja kerana sudah tua dan uzur. Mereka hanya menantikan wang bulanan daripada anak-anak manakala responden persendirian pula mempunyai hasil tanaman dan ternakan yang membolehkan mereka menjual hasil tersebut di pasar tani dan kedai-kedai runcit.

Di samping itu, terdapat enam kategori pekerjaan seperti Kumpulan Profesional, Berniaga, Kumpulan Teknikal, Kumpulan Sokongan, Bekerja Kampung dan Tidak Bekerja. Majoriti responden adalah tidak bekerja iaitu sebanyak 35.4% (46 orang), diikuti bekerja kampung sebanyak 26.9% (35 orang). Walau bagaimanapun, sebanyak 18.5% (24 orang) bekerja di kumpulan sokongan seperti kerani, pembantu tadbir, jurujual, penyambut tetamu, pemandu, pekerja am dan penghantar surat. Ini diikuti pula dengan responden yang berniaga sebanyak 11.5% (15 orang). Terdapat juga responden yang bekerja di kumpulan teknikal seperti juruteknik dan kumpulan professional seperti guru dan pegawai tadbir. Masing-masing mencatatkan sebanyak 3.8% (5 orang). Perubahan yang berlaku dalam sektor pekerjaan tidak mencetuskan perubahan kepada tingkat pendapatan satu isi rumah. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan kurangnya peluang pekerjaan kepada penduduk.

Rajah 2: Sektor Pekerjaan dan Pekerjaan



Sumber: Kerja Lapangan (2017)

Majoriti responden mempunyai pendapatan isi rumah <RM1000 (B40) iaitu 63.1% (82 orang). Bagi RM1001-RM2000 (B40) adalah sebanyak 28.5% (37 orang) manakala sebanyak 6.9% (9 orang) mempunyai pendapatan isi rumah sebanyak RM2001-RM3000 (B40). Terdapat 1.5% (2 orang) tidak mempunyai pendapatan langsung malah tidak menerima bantuan kewangan daripada mana-mana pihak agensi kerajaan mahupun swasta dan juga tidak menerima kewangan daripada anak-anak kerana responden tidak memiliki ahli keluarga. Walau bagaimanapun terdapat responden yang mempunyai pendapatan sampingan seperti berniaga pakaian, makanan dan kedai runcit serta mempunyai dusun buahan. Namun, hasil analisis mendapati walaupun responden tergolong dalam kumpulan isi rumah B40 yang merangkumi isi rumah miskin yang berpendapatan bulanan kurang daripada garis kemiskinan (PGK), namun pendapatan bulanan adalah kurang daripada nilai PGK sebanyak RM950 sebulan. Ini menunjukkan bahawa mereka tergolong dalam kelompok masyarakat luar bandar berpendapatan sangat rendah.

Bagi perbelanjaan untuk bayaran utiliti menunjukkan sebanyak 36.2% (47 orang) berbelanja sebanyak RM51-RM100. Diikuti pula perbelanjaan sebanyak RM101-RM200 iaitu 24.6% (32 orang). Terdapat juga perbelanjaan sebanyak <RM50 iaitu sebanyak 23.8% (31 orang). Namun demikian, terdapat perbelanjaan sebanyak >RM301 dan RM201-RM300 iaitu masing-masing mencatatkan sebanyak 8.5% (11 orang) dan 6.9% (9 orang). Hasil analisis mendapati bahawa hampir sebahagian daripada penduduk kampung membayar utiliti tidak lebih daripada RM200 kerana penggunaan elektrik yang terhad dan bilangan ahli keluarga yang sedikit.

Bagi perbelanjaan barang keperluan asas seperti barang domistik terbahagi kepada lima kategori iaitu <RM100, RM101-RM200, RM201-RM300, RM301-RM400 dan >RM401. Hasil analisis mendapati RM101-RM200 adalah paling banyak pilihan iaitu 31.5% (41 orang) manakala yang paling rendah adalah <RM100 sebanyak 13.1% (17 orang).

Selebihnya adalah sebanyak 21.5% (28 orang), 17.7% (23 orang) dan 16.2% (21 orang). Hasil makalah mendapati kebanyakan daripada responden membeli barang keperluan seperti gula, beras, dan barang basah di dalam kuantiti yang sederhana setiap hujung minggu.

Jadual 2. Pendapatan Isi Rumah dan Perbelanjaan Bulanan


Komponen	Kategori	Bilangan	Peratus
Pendapatan Isi Rumah	<RM1000 (B40)	82	63.1
	RM1001 - RM2000 (B40)	37	28.5
	RM 2001 – RM 3000 (B40)	9	6.9
	Lain-lain	2	1.5
Perbelanjaan bayaran Utiliti	<RM50	31	23.8
	RM51 – RM100	47	36.2
	RM101 – RM 200	32	24.6
	RM201 – RM300	9	6.9
Perbelanjaan barang keperluan asas (Barangan domestik)	> RM301	11	8.5
	< RM100	17	13.1
	RM101 – RM200	41	31.5
	RM 201 – RM300	28	21.5
Perbelanjaan barang keperluan asas (Barangan domestik)	RM 301 – RM400	21	16.2
	> RM401	23	17.7

N=130, 100 peratus

Sumber: Kerja Lapangan (2017)

Bagi penerimaan bantuan kewangan daripada agensi kerajaan mahupun luar, sebanyak 79.2% (103 orang) responden menerima bantuan manakala sebanyak 20.8% (27 orang) tidak menerima mana-mana bantuan. Antara bantuan yang disalurkan adalah daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan e-kasih. Responden yang tidak menerima bantuan kewangan adalah responden yang baru mendiami di kawasan Sungai Budor dan tidak mendaftar dimana-mana agensi. Di samping itu juga, bagi responden yang tidak mendapat bantuan kewangan kerana mereka mempunyai simpanan kewangan seperti di ASB, ETIKA dan Tabung Haji.

Rajah 3: Bantuan Kewangan



Sumber: Kerja Lapangan (2017)

Status Sosial dan Pendidikan

Pendidikan merupakan elemen utama kepada kejayaan memperoleh pekerjaan yang sesuai. Majoriti penduduk kampong Sg. Budor telah melewati usia tua dan tidak mampu bekerja serta memperoleh pendapatan tetap. Walaupun kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai pendidikan tinggi, namun mereka masih menyediakan keperluan pendidikan kepada anak-anak. Kesungguhan untuk memastikan generasi seterusnya mempunyai pendidikan serta masa depan yang cerah adalah dengan menghantar anak-anak belajar ke luar negeri dan mempunyai pendidikan di peringkat lebih tinggi seperti Ijazah Sarjana Muda. Hal ini dibuktikan apabila kebanyakan daripada isi rumah telah mempunyai anak yang belajar di IPTA mahupun IPTS.

Walaupun pendidikan aspek utama yang dipandang tinggi oleh penduduk, terdapat juga penduduk yang tidak dapat menghantar anak ke pendidikan yang lebih tinggi kerana masalah kewangan yang menjadi halangan utama. Sebahagian daripada anak-anak daripada generasi kini telah mendapat pendidikan dan bekerja di sektor kerajaan dan sektor swasta. Antara pekerjaan seperti pegawai tadbir, jururawat, guru, eksekutif dan lain-lain jawatan. Oleh hal yang demikian, hasil perbincangan mendapati walaupun penduduk Kg Sg Budor tidak mendapat pendidikan tinggi, namun anak-anak mereka dibekalkan dengan pendidikan dan seterusnya memperoleh pekerjaan yang baik serta memiliki masa depan yang lebih baik lagi. Menurut Hafizah & Wan (2015) keadaan keluarga yang stabil menyumbang ke arah kehidupan yang makmur serta melibatkan keutuhan nilai, kepercayaan dan material serta membentuk pendidikan yang berkualiti untuk meningkatkan kepercayaan dalam sistem kekeluargaan.

Pendapatan, Status Kewangan dan Bantuan Sokongan

Program pembangunan perlu dipergiatkan melalui penghasilan produk ekonomi dalam meningkatkan pendapatan penduduk kg Sg Budor. Hal ini demikian kerana didapati bahawa terdapat penduduk yang mempunyai kesungguhan untuk meningkatkan pendapatan sampingan kerana ada dalam kalangan mereka yang bertani serta mempunyai perniagaan. Mereka mempunyai keupayaan dalam meneruskan kelangsungan hidup dan tidak bergantung harap kepada sumber-sumber bantuan kewangan daripada pihak luar semata-mata. Selain itu, menjadikan sumber aset semula jadi seperti sungai secara optimum. Ini kerana ia mampu mendatangkan hasil yang lumayan dan meningkatkan kapasiti dan keboleh pasaran peluang pekerjaan penduduk kg Sg Budor.

Hasil perbincangan mendapati penduduk sememangnya bergantung kepada hasil pendapatan sampingan dan wang pemberian anak-anak untuk menyediakan keperluan asas rumah. Majoriti penduduk di kenalpasti sebagai miskin luar bandar dan ia jelas menunjukkan penduduk tidak mempunyai akses yang pelbagai untuk memajukan diri sendiri. Oleh hal yang demikian, penduduk Kg Sg Budor memerlukan kesemua aset pembangunan untuk meningkatkan. Hal ini disokong oleh Kartina (2016) yang menyatakan Malaysia kini perlu merangka dan mengkaji semula perubahan masyarakat melalui tahap pendapatan bulanan isi rumah, pendidikan, bantuan-bantuan yang diberikan oleh kerajaan. Hal ini kerana dimensi ini menggerakkan agar perubahan dasar atau peraturan sedia ada sesuai dengan keadaan semasa. Antara usaha dalam memberi bantuan sokongan adalah melalui program intervensi bagi membantu golongan ini agar konsisten dan bersifat penjanaan. Ia adalah sebagai galakan dalam memperkasakan golongan miskin untuk berusaha dengan bantuan dan kemahiran daripada pihak kerajaan dan swasta agar mereka boleh mencipta masa depan yang lebih baik.

KESIMPULAN

Keunikan yang terdapat di Kg Sg Budor ini adalah menerusi nilai-nilai keharmonian dan kesatupaduan yang ditunjukkan. Walaupun 100% tanah yang didiami oleh penduduk merupakan kepunyaan orang kaya Kubang Pasu tetapi mereka sanggup berkongsi dengan penduduk setempat. Hal ini juga dapat dilihat bahawa penduduk mempunyai hubungan yang erat di antara satu sama lain dalam memastikan Kg Sg Budor dikenali di peringkat luar. Penduduk juga berusaha untuk meningkatkan taraf kehidupan sehari-hari yang lebih baik lagi. Namun demikian, terdapat beberapa faktor penarik yang membentengi penduduk kg Sg Budor ini antaranya pendidikan dan kewangan. Walau bagaimanapun, mereka berusaha untuk mengatasinya.

Secara kesimpulannya pendidikan merupakan elemen utama dalam memastikan kelangsungan hidup yang baik kerana ia memberikan kesan kepada pembangunan sesebuah keluarga dan seterusnya negara. Hal ini memberi gambaran bahawa pendidikan dapat mengubah tahap pendapatan dan pekerjaan seseorang atas faktor kesetaraan kelayakan yang diperoleh. Apabila pendapatan meningkat, secara tidak langsung ia mengubah sosio-ekonomi dan kesejahteraan sosial. Oleh hal yang demikian juga, kesejahteraan hidup dapat dibangunkan secara dinamik. Dalam usaha transformasikan Kg Sg. Budor sebagai salah satu aset penting, masyarakat Kg Sg. Budor perlu memiliki kualiti yang kompetitif dari segi penguasaan pengetahuan, kebolehan daya penyelesaian masalah serta mempunyai hubungan erat. Ini kerana perubahan yang bakal dilaksanakan dapat menjadi pemangkin kepada pencapaian fizikal yang menyeluruh. Oleh hal ini, masyarakat Kg. Sg. Budor perlu mengubah persepsi, sikap dan mentaliti untuk terus berdaya saing dalam memajukan kampung ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Zarina Md Euope, Yang Dipertua Pertubuhan Wanita Prihatin Kelantan dan Penasihat Lembangan Sungai Pengkalan Datu (WASPADA), Majlis Pembandaran Kota Bharu (MPKB) dan penduduk kampung Sungai Budor kerana menerima kehadiran penghuni Kolej Tun Husein Onn. Penghargaan juga diberikan kepada sukarelawan Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah melaksanakan Baktisiswa pada 18-21 Jan 2018 dan 22-25 Feb 2018.

RUJUKAN

- Aki @ Zaki A., Er A.C & Siwar, C. (2015). Penanaman sawit lestari dan impak sosioekonomi. *Journal of Social Sciences and Humanities* 10(1):57-80.
- Akhmal Annas Hasmori, A.A, Sarju, H, Norihan, I.S, Hamzah, R. & Saud, M.S. (2011). Pendidikan, kurikulum dan masyarakat: satu Integrasi. *Journal of Edupres* 1(11): 350-356.
- Brown, G.K. (2007). Makin Ethnic Citizens: The Politic and Practiceof Education in Malaysia. *International Journal of Education Development* 27 (3): 318-330.
- Hashim, N. & Hussin, M. (2017). Kepentingan pendidikan dalam membasmi kemiskinan. International Conference on Global Education VI 10-11 April.
- Idris, N.A. (2004). Mobiliti sosial di kalangan generasi kedua Felda. *Akademiaka*. 64(1):83-95.

- Jamaluddin, Z. (2011). Kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 37 (6):5-20
- Kartini Aboo Talib @ Khalid. (2016). Dilema kemiskinan: falsafah, budaya dan Strategi. *Akademika* 86(2): 65-78.
- Malek, N.M. & Husin, A. (2012). Pemilikan rumah dalam kalangan masyarakat bandar berpendapatan sederhana dan rendah di Malaysia. *Sosiohumanika* 5(2):269- 284.
- Nor Hayati a'at, Mamat, I. & Nawang, W.M.Z. (2017). Pola perubahan sosiobudaya dan mobiliti sosial dalam kalanga komuniti muara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *Akademika* 87 (3):163-176.
- N. Lyndon, Selvadurai S, MJ. Fuad, Amriah B & Abdul Rahim, M.H. (2012). Peranan budaya terhadap penyertaan lelaki dan wanita Bidayuh dalam pendidikan. *Malaysia Journal of Society and Space* 8(7): 168-172.
- Salleh, M.J., Idris, N.K, Aziz, N.A., Yusuf, N.H. & Hashim, S.A. (2009). Kajian Terhadap Kesedaran Pendidikan di Kalangan Masyarakat Orang Asli. Persidangan Kebangsaan. Pendidikan Luar Bandar 2009. Anjuran Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial, Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu, Sabah, 3 – 5 Februari.
- Samah, H. A, & Mujani, W.K. (2015). *Prosiding Seminar the Bottom 40: Isu dan Penyelesaian*. Fakulti Pengajian Islam, UKM: Bangi.
- Sarju, H., Hamzah, R. & Udin, A. (2010). Pendidikan: Matlamat dan fungsinya. Retrieved from <https://www.coursehero.com/file/18696141/Pendidikanprint4/>. Tarikh capaian: 14 Mac 2018.
- Yussof, I., Zulkifly Osman, Z. & Zakariya, Z. (2009). *Perkembangan Pendidikan Tinggi dan kepentingan Memenuhi Keperluan Pasaran*. 179-198. Bangi: Penerbit UKM.

Zurina Ahmad Saidi,

Calon Doktor Falsafah di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekutaran dan Pembangunan,

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

insan@ukm.edu.my

Hukil Sino,

Pensyarah

Pusat Pengajian Sains Diagnistik dan Kesihatan Gunaan,

Fakulti Sains Kesihatan

Universiti Kebangsaan Malaysia.

hukilsino@ukm.edu.my

Norinsan Kamil Othman (PhD),

Professor Madya di Pusat Pengajian Fizik Gunaan,

Fakulti Sains dan Teknologi,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

insan@ukm.edu.my